

# Dzulkifli dilantik sandang Kursi Akademik Kepemimpinan Islam USIM

**Nilai:** Tokoh akademik pengajian tinggi tersohor negara, Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak (**gambar**) dilantik sebagai penyandang kursi akademik Kepemimpinan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kursi, yang ditubuhkan dengan kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen yang membiayai dana kursi RM500,000, dinamakan sebagai Kursi Mohd Yassin Muhammad iaitu bapa kepada Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Pengerusi Yayasan Nurul Yaqeen.

**Pelantikan mulai 4 Ogos**  
Timbalan Dekan Fakulti Ke-

pimpinan dan Pengurusan (FKP) USIM, Prof Madya Dr Yahya Mohamed Ariffin, berkata pelantikan Dzulkifli berkuat kuasa 4 Ogos lalu dan beliau menjalankan tugas rasmi sebagai pemegang kursi akademik ini di fakulti berkenaan.

“Kursi ini dinamakan atas nama Mohd Yassin sebagai menghargai ketokohan Allahyarham yang ketika hayatnya begitu progresif, proaktif serta memiliki jati diri memperjuangkan kepentingan agenda Melayu dan pembangunan Islam di Malaysia khususnya menerusi bidang pendidikan dan pentadbiran.

“Allahyarham adalah orang



alim yang warak, memiliki sifat ikhlas dan tawaduk serta menjadi contoh teladan kepada generasi kini. Pendirian dan sumbangan Mohd Yassin ini selari dengan gagasan kepimpinan kerajaan Malaysia pada masa kini,” katanya di sini, semalam.

Dzulkifli kini Presiden, International Association of Universities yang berpangkalan di Paris, Perancis adalah juga Felo Akademik Sains Malaysia dan ahli World Academy of Art and Sciences.

Beliau juga kolumnis akhbar *The New Straits Times* sejak tahun 1995 dan banyak menulis mengenai pelbagai isu penting berkaitan pendidikan, sains dan peristiwa semasa.

Yahya berkata, Dzulkifli berpengalaman luas dalam dunia akademik serta pentadbiran pengajian tinggi dalam dan luar negara.

“Kepemimpinan beliau terlelah ketika menerajui Uni-

“  
Dzulkifli berpengalaman luas dalam dunia akademik serta pentadbiran pengajian tinggi dalam dan luar negara”

**Prof Madya Dr Yahya Mohamed Ariffin,**  
Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM

versiti Sains Malaysia sebagai Naib Canselor selama 11 tahun dan berjaya meletakkan universiti itu berstatus APEX dan satu-satunya universiti awam di negara ini berstatus demikian,” katanya.

Beliau percaya dengan pengalaman luas dalam bidang akademik dan penyelidikan berkaitan dengan gagasan kepimpinan dalam dunia pendidikan, ia mampu memberi impak positif kepada USIM dan dapat menyumbang kepada pembangunan ilmu kepimpinan Islam di samping dapat menyalurkan dan memanfaatkan pemikirannya kepada komuniti global, khususnya masyarakat Islam.

**BERNAMA**